

# Hati-hati barangan negara maju bermutu rendah, bahaya — PM


U.M. 16 MAR 1992

**K**UALA LUMPUR 15 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat selaku pengguna tempatan supaya berhati-hati terhadap kemasukan barangan daripada negara-negara maju, yang bermutu rendah dan yang membahayakan kesihatan.

Beliau menegaskan, di zaman perdagangan antarabangsa yang bebas ini, pembekal-pembekal di negara maju berpendapat pengguna di negara-negara miskin tidak mempunyai pilihan dan tidak mengambil berat tentang hal pengguna.

Dalam hal ini, katanya, hanya persatuan pengguna yang bertanggungjawab saja yang boleh mengenalpasti barangan seperti ini serta bertindak terhadapnya.

Dr. Mahathir menegaskan demikian semasa berucap melancarkan Hari Pengguna Sedunia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.



Tema Hari Pengguna tahun ini ialah 'Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat Melalui Budaya Kepenggunaan Yang Berkualiti'.

Menurut Perdana Menteri, walaupun persatuan pengguna boleh memainkan peranan penting bagi melindungi hak pengguna, ia juga harus bertanggungjawab pada setiap tindak tanduknya.

"Ini adalah kerana persatuan boleh merugikan peniaga dengan mudah jika tindakan mereka tidak diasaskan kepada kajian yang cermat, malah ramai peniaga yang tidak bersalah akan menanggung kerugian," katanya.

Sebagai contoh, jelas beliau, tindakan sebuah persatuan pengguna mendakwa bahawa daging lembu yang dijual telah dicampur dengan daging binatang lain, bukan saja merugikan pengimport tetapi penjual karpas di tepi jalan turut mengalami kerugian.

Beliau menambah, kerugian itu menjadi sia-sia apabila akhirnya didapati dakwaan terhadap daging lembu itu tidak berasas.

Dr. Mahathir juga berkata, pemimpin-pemimpin persatuan pengguna yang memperalatkan persatuan untuk tujuan lain harus disingkirkan kerana ia boleh mencemarkan

kredibiliti dan kekesan persatuan.

Beliau berkata, oleh kerana persatuan pengguna berpengaruh, ia sentiasa menarik minat orang politik serta orang asing dan akhirnya berlakulah kegiatan yang tidak ada kena mengena dengan hal ehwal pengguna.

Katanya, ada persatuan pengguna yang menghasut rakyat supaya menghalang pembangunan kononnya akan mencemarkan alam sekitar seperti yang berlaku di Langkawi dan ada persatuan yang sanggup menerima bantuan luar untuk memburukkan nama negara sendiri.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menambah, pengguna juga telah bertambah sedar bahawa mereka perlu bertindak balas terhadap kaedah dan amalan pemasaran moden yang semakin kompleks dan mengelirukan.

"Pengguna harus waspada terhadap pembangunan teknologi yang membahayakan kehidupan dan ekologi, amalan-amalan etika korporat dan kesannya ke atas pengguna," tambah beliau.

Menurutnya, konsep pemasaran moden yang mana pengguna perlu dianggap 'raja' memang telah menjadi amalan pengeluaran barangan di Malaysia yang berorientasikan eksport.

"Bagaimanapun, perkara ini belum lagi menjadi amalan bagi segelintir pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk pasaran tempatan dan di sinilah letaknya peranan persatuan pengguna," katanya.

Beliau menjelaskan, pengguna boleh memulau barangan atau perkhidmatan yang tidak bermutu dan kecuaiannya pembekal boleh didedahkan melalui media massa.

Perdana Menteri turut meminta persatuan pengguna mengingatkan pengguna tentang tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri termasuk usaha mengawal inflasi.

Persatuan pengguna, katanya, boleh membantu kerajaan dalam usaha menstabilkan harga, mencegah kegiatan menyorok barangan perlu, mengatasi masalah barangan tiruan dan penipuan timbang sukat.